



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/05/50 (HQ)

TNB BAIKI RUMAH MILIK GOPAL SERTA IBU BERUSIA 100 TAHUN

Kehidupan Encik Gopal a/l Munusamy kini lebih selesa, setelah Tenaga Nasional Berhad (TNB) membaik pulih kediamannya di Kg.Baru , Slim River, Perak menerusi Projek Mesra Rakyat Peringkat Negeri Perak 2016.

Encik Gopal a/l Munusamy, 72 tahun , menetap bersama ibu yang berusia 100 tahun dan adik berusia 60 tahun yang mengalami masalah kesihatan dan tiada pendapatan tetap.

Melalui Projek Mesra Rakyat TNB, rumahnya yang usang kini telah dibaik pulih lengkap dengan dinding rumah yang baru, siling baru, tandas dan dapur yang baru. Di samping itu, turut dilaksanakan ialah kerja-kerja mengecat semula dinding luar dan dalam rumah serta menggantikan kesemua kayu bumbung yang telah reput kepada yang baru.

Rumah Encik Gopal a/l Munusamy yang siap dibaiki dirasmikan hari ini oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Y.B. Dato' Rusnah Kassim merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (Behrang).

Pengurus Besar Negeri (Perak), Dato' Mohd Zahir Md. Nagor dalam ucapannya berkata Projek Mesra Rakyat adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk membaiki kediaman golongan sasaran.

Golongan sasaran ini antaranya calon-calon India dan Cina terdiri daripada penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Untuk tahun 2016, Negeri Perak telah diperuntukkan dua (2) buah rumah untuk di baik pulih. Setakat ini dua (2) orang penerima yang layak telah dikenal pasti iaitu masing-masing satu (1) di Slim River dan Encik Tan Seng Bee di Langkap , Perak.

Dikeluarkan di Slim River, Perak, pada 27 Mei 2016

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)
media@tnb.com.my*